



KAKITANGAN FPSK UMS bergambar kenangan di Dewan Kuliah Blok Klinikal HQE bersama Dr William (tengah).

FPSK UMS serah semula blok klinikal HQE

UB 19.7.2019 A5

KOTAKINABALU: Fakulti Perubatandan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyerahkan semula blok klinikal Hospital Queen Elizabeth (HQE), pada satu majlis penyerahan ringkas yang berlangsung di hospital itu pada Khamis.

Penyerahan itu disempurnakan oleh Dekan FPSK Profesor Dr Mohammad Sa-free Jeffree kepada Pengarah HQE Dr William Gotulis.

Safree dalam ucapannya merakamkan penghargaan

kepada pihak HQE dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) yang banyak membantu khususnya dalam menempatkan pelajar perubatan UMS di hospital berkenaan.

“Sebagai menghargai segala sumbangan dan bantuan pihak HQE selama ini, UMS menawarkan segala fasiliti yang ada di UMS untuk digunakan oleh para pakar dan kakitangan HQE pada masa akan datang secara percuma.

“Selain itu, saya juga te-

lah berbincang dengan Dr Helen (Ketua Pegawai Eksekutif Hospital UMS) untuk melihat ruang penempatan pakar dari HUMS sekiranya terdapat kekurangan doktor di HQE,” ujarnya.

Sementara itu, Dr William turut mengucapkan penghargaan atas kerjasama baik yang diberikan oleh UMS selama ini.

“Pihak kami akan meneliti semula keadaan blok klinikal ini dan ada kemungkinan kita akan gunakan ia sebagai

ruang kerja tambahan untuk kakitangan,” jelasnya.

UMS mula menggunakan blok klinikal HQE pada 2004 untuk menempatkan pelajar perubatan selain digunakan sebagai dewan peperiksaan.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Pengarah (Klinikal I) HQE Dr Yogendra A/L Panchalingam, Timbalan Dekan Akademik FPSK Profesor Madya Dr Fairrul Kadir dan Ketua Jabatan Asas Komuniti FPSK Datuk Dr Mohd Yusof Hj Ibrahim.